

Berita Minggu
PERPENSIS atau Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura tidak begitu dikenali ramai tidak seperti pemimpinnya, Ustaz Taha Suhaimi dari Ipoh Lane.

Ramai yang menyangka bahawa persatuan dakwah itu adalah antara persatuan yang paling cergas dalam bidang niaga, tetapi sebenarnya Ustaz Taha dan anak buahnya yang mempunyai syarikat.

Mereka mengendalikan syarikat Ikhlas Percetakan Persendirian di Bedok Reservior yang mencetak buku-buku agama dan kalendar Islam dan membekalkan bahan-bahan makanan seperti mi dan keperluan yang ditanggung halal termasuk bedak wangi.

Perniagaan yang paling besar, bagaimanapun, ialah urusan jemaah haji yang dilakukan dengan kerjasama sebuah syarikat pelancongan dan syekh haji berdaftar.

Adalah diketahui bahawa sebahagian keuntungan yang diperolehi dari usahaniaga tersebut didermakan kepada Peripensis.

Pertunjukan 17 APR 1984 pencak silat Perpensis

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura (Perpensis) akan mengadakan pertunjukan pencak silat pada Sabtu ini (21 April) mulai 10.00 malam.

Seramai 15 ahli baru dan lama Perpensis akan menunjukkan kebolehan masing-masing di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.

Perpensis telah ditubuhkan dalam 1969 dan kini mempunyai seramai 800 anggota.

Mesyuarat 19 MAY 1984 agung

PERSATUAN Pencak Silat Singapura (Perpensis) akan mengadakan mesyuarat agungnya yang ke-16 pada 9.00 pagi esok di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.

Satu daripada perkara-perkara yang akan dibincangkan ialah pengambilan anggota-anggota baru.

Mereka akan berpeluang belajar pencak silat dan pelajaran agama seperti Fikih, dan Tasawuf.

Seni silat harus jadi 14 MAY 1984 satu pertandingan

B. Harian (M)

PENCAK - SILAT
USAHA sedang dijalankan bagi membolehkan seni silat dipertandingkan seperti kejohanan mempertahankan diri karate dan taekwondo.

Usaha ini sedang dilakukan oleh Persekutuan Seni Silat Melayu Kebangsaan atau Pesaka.

Pesaka berharap dapat menyusun satu peraturan bagi membolehkan seni silat dijadikan sebagai satu pertandingan.

"Saya percaya apabila ini berjaya nanti, kita akan dapat meluaskan pengaruh silat bukan saja di Asia Tenggara, tapi juga seluruh dunia," kata setiausaha Pesaka,

Abdul Rahman Hassan.

Beliau, berkata, sejak beberapa siri pertandingan silat sebagai acara olahraga diadakan di peringkat antarabangsa tahun lalu, minat orang ramai terhadap seni silat Melayu makin meluas.

Dari sambutan inilah, Pesaka telah ber-sungguh-sungguh memperkenalkan Silat Gayung, Silat Lincak, Cekak, Sendangan dan Gayung Petani kepada arena seni mempertahankan diri antarabangsa.

Antara negara Asean yang menyertai pertandingan itu ialah Indonesia dan Singapura, ka-

tanya.

Malaysia diterima menjadi anggota Persekutuan Silat Antarabangsa sejak tahun 1980.

Pesaka juga sedang mempergiat kursus dan latihan kepada para pelatih silat olahraga dari badan-badan seni mempertahankan diri dan badan-badan kebudayaan negeri.

Encik Rahman berkata, Pesaka terpaksa berbuat sesuatu mulai sekarang kerana ada tanda-tanda generasi masa ini lebih berminat dengan seni silat asing seperti kung-fu dan taekwondo daripada seni silat warisan sendiri.